

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BIL. 12/2022:**

**PERKHIDMATAN MENGURUSKAN PROGRAM LONJAKAN SCORE 2.0**

**1. OBJEKTIF**

- 1.1 Membekal perkhidmatan bagi pelaksanaan serta pengisian Program Lonjakan SCORE bersama Rakan Strategik SCORE mengikut keberhasilan yang ditetapkan.
- 1.2 Memenuhi keperluan bagi penambahbaikan pembangunan PKS yang mendapat penarafan SCORE 2 - 4 bintang agar PKS tersebut dapat melonjakkan pencapaian PKS ke tahap yang lebih baik seperti pendapatan perniagaan, keuntungan dan produktiviti mereka di bawah program penarafan SCORE yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia.

**2. SKOP PERKHIDMATAN**

- 2.1 Penyediaan pengisian (*content*) bagi Sesi Pengkongsian Pengetahuan kepada 300 PKS dibawah Rakan Strategik yang telah mendapat penarafan SCORE 2 - 4 bintang yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan perniagaan, keuntungan dan produktiviti syarikat.
- 2.2 Melaksanakan Sesi Perkongsian Pengetahuan melalui 4 sesi latihan secara fizikal atau online yang merangkumi sekurang kurangnya satu latihan secara fizikal di seluruh Malaysia berdasarkan lokasi PKS yang telah disenarai-pendek. Pendekatan latihan boleh melibatkan aspek 'change management' atau 'input & output approach' atau 'financial & technological audit' (perlu dipersetujui bersama diantara penyedia perkhidmatan dan SME Corp. Malaysia).
- 2.3 Penyediaan aktiviti lanjutan berbentuk Business Coaching kepada minima 60 PKS daripada 300 PKS yang telah dipilih mengikut sesi pengkongsian pengetahuan tersebut untuk tujuan penambahbaikan serta berkemampuan untuk melonjakkan pendapatan perniagaan, keuntungan dan produktiviti di bawah program penarafan SCORE.
- 2.4 Menyediakan laporan program serta analisa ke atas ke semua peserta PKS yang terlibat dengan 'action plan' berkaitan.

**3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**

- 3.1 Bayaran dibuat mengikut jadual pembayaran dengan memenuhi keperluan dan kehendak ditetapkan. Bayaran dibuat Jadual pembayaran adalah 30% bagi peringkat pelaksanaan Fasa 1, 40% pada peringkat pelaksanaan Fasa II dan 30% selepas selesai pelaksanaan program.

- 3.2 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan bersama dokumen sokongan dan setelah menerima Inbois daripada pembekal.

#### 4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang 221110.
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
- Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui
  - Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja
  - Tidak mematuhi Jadual Perkhidmatan yang ditetapkan

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	TANDAKAN ( / ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
1.	<b>PENYEDIAAN PENGISIAN (CONTENT) BAGI SESI PERKONGSIAN PENGETAHUAN KEPADA 300 PKS DIBAWAH RAKAN STRATEGIK SCORE YANG TELAH MENDAPAT PENARAFAN SCORE (2 - 4 BINTANG) YANG BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN PERNIAGAAN, KEUNTUNGAN DAN PRODUKTIVITI SYARIKAT.</b>		
	Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah <b><u>semasa menawarkan sebut harga</u></b> :		
	a) Menyediakan isi kandungan ( <i>content</i> ) bagi Sesi Perkongsian Pengetahuan.	<input type="checkbox"/>	
	b) Pengisian adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan perniagaan, keuntungan dan produktiviti syarikat	<input type="checkbox"/>	

	<p>c) Setiap isi kandungan (content) akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</p> <p>d) Pembentangan dan penerbitan laporan program berserta analisa keberhasilan berkaitan yang akan diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
<p><b>2.</b></p>	<p><b>MELAKSANAKAN SESI PERKONGSIAN PENGETAHUAN MELALUI 4 SESI LATIHAN SECARA FIZIKAL ATAU ONLINE BERDASARKAN LOKASI PKS YANG DIPILIH</b></p>		
	<p>a) Menguruskan sesi perkongsian dan diadakan secara fizikal dan dalam talian dengan menyediakan modul latihan samada mengunapakai pendekatan latihan yang melibatkan aspek 'change management' atau 'input &amp; output approach' atau 'financial &amp; technological audit' kepada 300 peserta PKS yang menyertai program ini. Penyediaan bahan rujukan perlu disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan secara <i>Hardcopy</i> atau <i>Softcopy</i> bagi sesi latihan.</p> <p>b) Mengadakan 4 sesi latihan secara fizikal atau online yang merangkumi sekurang kurangnya satu latihan secara fizikal (berdasarkan keperluan) kepada 300 PKS untuk memberi kesedaran dan menonjolkan kriteria menjadi organisasi eksponensial di kalangan PKS dalam program ini. Juga, untuk menekankan kepada mereka tentang perlunya menerapkan digitalisasi dalam perniagaan mereka agar tetap relevan, berdaya tahan dan jika mungkin, kuantum melonjakkan perniagaan mereka untuk pengembangan lebih lanjut.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	

	<p>c) Menyedia dan menyelaras jadual sesi perkongsian bagi semua sesi perkongsian pengetahuan fizikal dan online.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan laporan kehadiran syarikat di setiap sesi perkongsian pengetahuan.</li> <li>- Merekodkan dengan jelas sekiranya berlaku ketidakhadiran bagi setiap sesi perkongsian pengetahuan.</li> <li>- Menyediakan Borang Maklumbalas secara manual/digital berdasarkan maklumat perkongsian yang telah dilaksanakan bagi menilai keberkesanan latihan yang dijalankan.</li> <li>- Mengumpul, menganalisa dan menghantar laporan hasil maklumbalas syarikat yang diperolehi tidak lewat daripada 14 hari bekerja dari tarikh akhir sesi perkongsian dilaksanakan kepada SME Corp. Malaysia.</li> </ul>	<input type="checkbox"/>	
<p><b>3.</b></p>	<p><b>PENYEDIAAN AKTIVITI BUSINESS COACHING KEPADA 60 PKS DI BAWAH SCORE UNTUK PENAMBAHBAIKAN SERTA BERKEMAMPUAN UNTUK MELONJAKKAN PENDAPATAN PERNIAGAAN, KEUNTUNGAN DAN PRODUKTIVITI DI BAWAH PROGRAM PENARAFAN SCORE.</b></p>		
	<p>a) Menyediakan dan melaksanakan aktiviti <i>Business Coaching</i> kepada 60 PKS secara <i>one-to-one</i> samada fizikal atau pun secara online di bawah program penarafan SCORE selepas Sesi Perkongsian Pengetahuan diadakan. (Pelantikan</p>	<input type="checkbox"/>	

	<p><i>Business Coaches</i> yang terlatih dan berpengalaman adalah dibawah skop Penyedia Perkhidmatan)</p> <p>b) Menyediakan mekanisma maklumbalas untuk mengukur tindak balas dan maklum balas dari PKS dalam program ini untuk meningkatkan perniagaan mereka, seperti melakukan tinjauan dan mengadakan sesi dalam talian atau luar talian dan apa yang perlu dilakukan selanjutnya.</p> <p>c) Menyediakan laporan penilaian berkaitan analisa 'action plan' kepada peserta PKS yang terlibat.</p> <p>d) Menyedia dan menyelaras jadual sesi coaching bagi semua sesi yang dilaksanakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan laporan kehadiran syarikat semasa sesi coaching.</li> <li>- Merekodkan dengan jelas sekiranya berlaku ketidakhadiran bagi sesi coaching.</li> </ul> <p>e) Menyediakan Borang Maklumbalas secara fizikal/digital berdasarkan maklumat/perbincangan semasa sesi coaching yang telah dilaksanakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengumpul, menganalisa dan menghantar laporan hasil peningkatan / penambahbaikan syarikat selepas 6 bulan sesi coaching berlangsung kepada SME Corp. Malaysia bagi melihat keberkesanaan pelaksanaan program <i>Lonjakan SCORE 2.0</i>.</li> </ul>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
--	---	---	--

4.	<b>PEMBEKAL PERKHIDMATAN KOD BIDANG 221110</b>		
	a) Pembekal merupakan pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia	<input type="checkbox"/>	
5.	<b>HAL-HAL LUAR JANGKA (KOS KONTIGENSI)</b> Petender bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Petender berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa (sila nyatakan satu jumlah harga yang bersesuaian bagi item ini mengikut anggaran Petender tetapi tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah keseluruhan tawaran harga).	<input type="checkbox"/>	

*\* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.*

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 12/2022.**

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :